

21 DEC 2002

Mahathir-Kampung

DR MAHATHIR LAWAT PROJEK KAMPUNG TRADISI

JITRA, 21 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini melawat tapak projek Kampung Tradisi di Jalan Sintok, Mukim Temin dekat sini.

Beliau mengambil masa kira-kira 30 minit untuk melawat kawasan sekitar dan rumah contoh kampung tradisi itu yang berkonsepkan rekabentuk rumah Melayu Kedah.

Kampung tradisi itu yang dibangunkan oleh Pedoman Semarak Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Putrajaya Holdings Sdn Bhd, mengandungi 191 unit buah rumah tiga bilik di kawasan seluas 36 hektar.

Projek itu kini baru 30 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Ogos depan.

Dr Mahathir juga mendengar taklimat mengenai pembangunan projek itu yang disampaikan oleh Pengurus Projek Pedoman Semarak Nur Ismail Mohamad dan Pegawai Perancangan Bandar dan Desanya, Zalina Zakaria.

Kampung tradisi merupakan projek perumahan ala-kampung yang mempunyai kemudahan prasarana yang lengkap seperti masjid, rumah kedai, pasar, pejabat pos, pejabat penghulu mukim, pusat kebudayaan dan kesenian serta taman tasik rekreasi.

Kampung ini juga merupakan satu langkah untuk integrasi kaum kerana komunitinya nanti terdiri daripada pelbagai bangsa.

Yang turut hadir bersama ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd Khir dan beberapa anggota exco Kerajaan Negeri.

-- BERNAMA

MNH FAJ PR